

Terma & Syarat (“T&S”) “Kempen GSC Tambah Kad”

Tempoh Kempen

Kempen “GSC Tambah Kad” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”), akan bermula pada 11 November 2019 pukul 00:00:00 jam (12.00 pagi) dan berakhir pada 31 Desember 2019 pukul 23:59:59 jam (11.59 mlm), termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh **HLB**.

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka HANYA kepada Pemegang Kad Kredit Utama HLB warga Malaysia terpilih yang pernah membeli tiket wayang dengan Kad Kredit HLB dalam masa 12 bulan lepas (“**Pemegang Kad Layak**”) kecuali Pemegang Kad Layak yang:
 - a. Pemegang Kad Kredit HLB bagi:
 - i. Mastercard GSC Gold
 - ii. Mastercard GSC Platinum
 - iii. Visa GSC Gold
 - iv. Visa GSC Platinum
 - v. Mastercard Emirates HLB World Elite
 - vi. Mastercard Emirates HLB World
 - vii. Mastercard Emirates HLB Platinum
 - viii. Visa Infinite Plus
 - ix. Visa Infinite
 - x. Visa Infinite Doctor’s Edition
 - b. Telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh HLB atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; atau
 - c. Telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang dinyatakan di dalam ini; atau
 - d. Kakitangan tetap atau kontrak HLB dan HLISB.
 - e. Akaun tak sah atau dibatalkan atau tertunggak atau digantung atau ditamatkan sejak DUA BELAS (12) bulan dari tarikh Tempoh Kempen.

KAEDAH KEMPEN

2. Yang berikut adalah Kad-kad Kredit HLB sertaan bagi Kempen ini (“**Kad Layak**”):
 - a. Mastercard GSC Gold
 - b. Mastercard GSC Platinum
3. Pemegang Kad Layak akan berhak menikmati Pulangan Tunai RM25 dan pengecualian fi tahunan bagi tahun pertama (“**Hadiah**”) dengan syarat memenuhi kriteria seperti berikut:
 - a. Pemegang Kad Layak mestilah melakukan minimum satu (1) transaksi Belian Runcit (seperti ditakrif di Fasal 17) menggunakan Kad Layak dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak.
4. Pemegang Kad Layak yang telah memenuhi syarat-syarat seperti tertera di Fasal 3(a) layak menerima Hadiah (“**Pemegang Kad Berjaya**”).

5. Pulangan tunai dihadkan setakat RM25 bagi setiap Kad Layak bagi setiap Pemegang Kad Utama sepanjang Tempoh Kempen.
6. Pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak dalam Minggu 12 dari tarikh kelulusan Kad Layak, Pemegang akaun mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana mana Terma & Syarat Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit pada masa Pulangan Tunai itu diberikan.
7. Hadiah itu tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit, cek atau manfaat barangan.

KRITERIA PENYERTAAN KEMPEN

8. Semua Pemegang Kad Layak akan menerima pemberitahuan penyertaan Kempen melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang dihantar kepada nombor telefon bimbit sepertimana tersimpan dalam rekod HLB.
9. Pemegang Kad Layak dikehendaki mendaftarkan penyertaannya dengan membalas SMS HLB dan hantar kepada 66600 seperti berikut:

Untuk Mastercard GSC Gold Kad Kredit:

Tekan "GSCG<jarak> 4 digit akhir Nombor KP" dan hantar ke 66600 [cth: GSCG 5664]

Untuk Mastercard GSC Platinum Kad Kredit:

Tekan "GSCP<jarak> 4 digit akhir Nombor KP" dan hantar ke 66600 [cth: GSCP 5664]

10. Sebarang pendaftaran SMS yang mengandungi Nombor Kad Tambahan tidak akan diterima dan akan dibatalkan.
11. Pemegang Kad Layak wajib memastikan butiran SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar dalam Tempoh Kempen. Bukti SMS yang dihantar tidak menjadikannya suatu pengesahan penerimaan oleh HLB.
12. Pemegang Kad Layak yang berjaya mendaftar untuk Kempen akan menerima SMS pengesahan daripada HLB. Caj Pengendali Telco biasa yang standard akan dikenakan bagi setiap pendaftaran SMS.
13. Sekiranya balasan SMS yang dihantar tidak lengkap/tak sah, SMS akan dihantar secara automatik kepada Pemegang Kad Layak; meminta supaya mendaftar semula melalui SMS tanpa dikenakan apa-apa caj.
14. HLB tidak akan bertanggungjawab dan mempunyai budi bicara mutlak untuk membatalkan sebarang pendaftaran daripada penyertaan berganda, SMS tak lengkap/tak tepat, penyertaan lewat, mesej ralat, pendaftaran tak berjaya disebabkan kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang dialami oleh Pengendali Telco atau atas apa jua sebab yang didapati wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlak.

15. Jika tarikh dan masa pendaftaran SMS yang berjaya atau tarikh dan masa transaksi yang direkodkan dalam sistem HLB berbeza atau timbul pertikaian tentang bila berlakunya pendaftaran itu, maka tarikh dan masa sistem HLB akan diambil sebagai muktamad.
16. “Belian Runcit” bermaksud apa-apa transaksi belian yang dibuat di dalam dan di luar negara, termasuk transaksi dalam talian menggunakan Kad Layak semasa Tempoh Kempen tetapi tidak termasuk transaksi berikut:
 - a. Urusniaga tunai (contoh: pertaruhan dalam talian dan / atau transaksi judi);
 - b. Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh HLB;
 - c. Arahan Tetap / perkhidmatan berulang dan pembayaran automatik;
 - d. Sebarang transaksi untuk pembayaran yang dilaksanakan melalui internet untuk Premium Insurans / Takaful, Bil Utiliti, Perkhidmatan Kerajaan dan JomPAY;
 - e. Urusniaga untuk bayaran yang dibuat ke atas Pesanan Mel dan Pesanan Telefon (“**MOTO**”); dan
 - f. Transaksi tunai / pengeluaran / deposit tunai, Call-For-Cash/Plus, Pindahan Baki (Balance Transfer), Pelan Pembayaran Flexi (Flexi Payment Plan), pemindahan dana, pembalikan (reversal), yuran dan / atau caj yang dikenakan oleh HLB dan dimasukkan ke dalam akaun Kad Layak
17. HLB berhak:
 - a. Menentukan apa yang merupakan Belian Runcit layak dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak dalam apa jua cara;
 - b. Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak atas budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini.
 - c. Melupakan mana-mana atau semua Hadiah sekiranya T&S di dalam ini tidak dipatuhi;
 - d. Menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknyanya (“**Pengubahan**”), dengan cara menyiarkan Pengubahan tersebut dalam laman web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak tentang Pengubahan Kempen ini; dan
 - e. Membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh HLB tidak memberi hak kepada Pemegang Kad Layak untuk membuat tuntutan kepada atau meminta pampasan daripada HLB atas sebarang dan segala kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad Layak sebagai akibat langsung atau tak langsung berikutan pembatalan, penamatan atau penggantungan itu.

UMUM

18. Dengan menyertai (yakni membalas SMS HLB seperti tertera di Fasal 10) Kempen ini, Pemegang Kad Layak/Pemegang Kad Berjaya bersetuju:
 - a. Menerima Tambah Kad dan terma dan syarat Kad Yang Layak;
 - b. Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini;
 - c. Bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan melalui sistem HLB untuk Kempen adalah tepat dan muktamad;
 - d. Bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Layak/Pemegang Kad Berjaya dan tiada rayuan dan/atau surat-menyurat selanjutnya akan dilayan;

- e. Untuk melayari laman web di www.hlb.com.my/addGSC pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikuti sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - f. Bahawa telah membaca, memahami dan diikat oleh Notis Privasi HLB, yang tersedia di laman web HLB (<https://www.hlb.com.my/en/connect/privacy-en.html>).
19. T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB dan apa-apa terma dan syarat berkenaan yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
 20. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini berbanding bahan pengiklanan, Kempen, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&S muktamad dalam laman web HLB hendaklah diutamakan.
 21. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak/Pemegang Kad Berjaya bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
 22. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.
 23. Pemegang Kad Layak dengan ini memberi keizinan kad dihantar melalui pos biasa kepada alamat berdaftar Pemegang Kad Layak seperti terdapat dalam rekod HLB dan penghantaran itu akan dilaksanakan dalam minimum tempoh sepuluh (10) hari kerja selepas pendaftaran melalui SMS.
 24. Pemegang Kad Layak bertanggungjawab memberitahu HLB dengan serta-merta tentang apa-apa pertukaran alamat (pejabat dan/atau kediaman) Pemegang Kad Layak.